

PIHAK JKM disaran bekerjasama dengan unit kaunseling sekolah bagi mengenal pasti pelajar yang mempunyai tanda-tanda atau berisiko menjadi mangsa dera. - Gambar hiasan



AMAT malang jika seorang kanak-kanak didera bertahun-tahun lamanya tetapi tidak diketahui jiran. - Gambar hiasan

Tanggungjawab lindungi mangsa dera

Kosmo
16/8/16
M15 24

SECARA semula jadi ibu bapa memainkan peranan menjaga, membesarkan dan memastikan anak-anak mereka berada dalam keadaan selamat.

Begitupun, dalam situasi tertentu norma tersebut boleh berubah menjadi sebaliknya. Anak yang sepatutnya dilindungi menjadi bahan melepaskan kemarahan tidak ubah seperti karung tinju.

Amat menyedihkan kerana penderaan dilakukan oleh mereka yang kurang memahami hakikat bahawa anak-anak melalui fasa tertentu dalam kehidupan mereka sehingga kadangkala mencabar kesabaran penjaganya.

Ketua Unit Kaunseling Universiti Perguruan Sultan Idris, Dr. Fauziah Mohd. Sa'ad berkata, terdapat banyak faktor yang mendorong ibu bapa atau ahli keluarga terdekat mencederakan darah daging sendiri.

"Ketidakstabilan emosi adalah faktor utama mengapa mereka sanggup berbuat demikian. Tekanan menjadikan golongan itu kecewa dengan diri sendiri dan menyalurkan perasaan itu

dengan cara tidak sepatutnya kepada anak.

"Pada masa sama, sokongan sosial yang lemah, kehamilan tidak diingini, lemah pegangan agama, penyalahgunaan dadah dan sejarah silam menjadikan isu ini seperti duri

dalam daging dalam sesebuah institusi keluarga," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau mengulas laporan seorang remaja yang mengalami masalah buah pinggang menjadi mangsa dera ibu kandung dan bapa tirinya sehingga menyebabkan jangkitan kuman di Terengganu baru-baru ini.

Mangsa berusia 17 tahun itu bukan saja dipukul menggunakan kayu malah dibelasah dengan periuk panas dan besi jika lambat membantu ibunya yang mengusahakan kedai makan.

Dalam hal ini bukan mangsa dera saja harus diberi dibantu sebaliknya pelaku juga perlu diberi bimbingan kaunseling.

Pendidikan

Tambahnya, program pendidikan sokongan untuk ibu bapa sangat penting dalam memberi garis panduan dan menyatakan kesan dan akibat penderaan kepada

masyarakat.

"Apabila seseorang terlibat dalam isu penderaan domestik paling mungkin dia tidak dapat meluahkan perasaannya dengan secara sihat seterusnya membentuk kitaran penderaan yang berulang-ulang dalam keluarga sekiranya akar masalahnya tidak diselesaikan," ujarnya.

Sementara itu, **Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Zambri Mohd. Isa** mencadangkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalin kerjasama dengan unit kaunseling di sekolah bagi mendapatkan data-data pelajar berisiko menjadi mangsa dera.

"Lazimnya, tanda-tanda pelajar berisiko menjadi mangsa dera dapat dilihat menerusi perubahan sikap, tingkah laku sukar dikawal, fizikal dan sikap ibu bapa yang mencurigakan.

"Kita memahami cabaran guru di sekolah dan JKM sedia ada, tetapi kepekaan warga sekolah dapat membantu mengekang masalah dera pada peringkat awal," ujarnya.

Kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 yang baru diluluskan April lalu perlu ditingkatkan.

Menurutnya, masyarakat harus menyedari peranan mereka untuk bersama-sama menyumbang tenaga dalam melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa penganiayaan.

"Isu melibatkan kanak-kanak sangat luas skopnya. Ia bukan sahaja melibatkan penderaan malah turut membabitkan isu-isu eksploitasi kelemahan golongan tersebut untuk kepentingan individu tertentu.

"Selain itu, pengukuhan semangat kejiranan amat penting. Agak malang bagi seseorang kanak-kanak yang didera sampai bertahun-tahun lamanya tetapi tidak diketahui oleh jiran sekeliling," tuturnya.



ZAMBRI



FAUZIAH

INFO

Kes dera

7 Mac 2016

Seorang lelaki ditahan disyaki mendera anaknya berusia tujuh tahun sehingga kritikal sebelum meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan di Hospital Kota Tinggi, Johor

24 Jun 2015

Nur Zuliana Zaara Zulkifli, 5, ditemui dalam keadaan seluruh badannya lebam serta dipenuhi parut manakala tubuhnya membongkok akibat patah tulang belakang dan rusuk akibat dipercayai didera ibu tiri dan bapa kandung

11 Mei 2015

Seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun didera oleh teman lelaki ibunya yang juga merupakan warga Pakistan menggunakan penyangkut baju di Taman Miharja, Cheras, Kuala Lumpur

24 Februari 2015

Seorang bayi perempuan berusia enam bulan maut disyaki menjadi mangsa dera selepas mendapatkan rawatan Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah